

SEMINAR PSIKOLOGI DAN PEMBANGUNAN MANUSIA 2008

*Pengoptimuman Sumber Manusia
Ke Arah Peningkatan Kualiti Hidup*

22 - 24 Disember 2008

Bilik Senat,

Universiti Kebangsaan Malaysia

Anjuran Bersama



PRAKATA

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera...

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurniaNya serta iltizam dan kesungguhan jawatankuasa pelaksana program, Seminar Psikologi dan Pembangunan Manusia 2008 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Seminar ini merupakan platform yang telah mewujudkan kerjasama di antara para intelektual, pembuat dasar, pemimpin masyarakat, ahli NGO dan pihak industri melalui perbincangan dan perkongsian maklumat. Hasil penyelidikan dan idea telah menyumbang kepada percambahan ilmu dan pembentukan modal insan cemerlang.

Prosiding ini memuatkan kertas kerja yang membincangkan pelbagai isu berkaitan kualiti hidup dan kesejahteraan insan. Ini sejajar dengan tema seminar iaitu, 'Pengoptimuman Sumber Manusia Ke arah Peningkatan Kualiti Hidup' sebagai wajaran bagi memperkasa nilai insaniah di kalangan masyarakat Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang berwibawa dan berintegriti.

Justeru, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada seluruh warga jawatankuasa di atas kerjasama dan komitmen jitu bagi memastikan kelancaran seminar. Adalah diharapkan agar seminar ini memberikan manfaat yang berguna kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih

PROF. MADYA DR. ARIFIN HJ ZAINAL
Presiden Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) dan
Pengerusi Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Merangkap Pengerusi Seminar Psikologi dan Pembangunan Manusia 2008
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tanggal : _____

Prosiding Seminar Psikologi dan Pembinaan Manusia 2008

**MENGESAHKAN
FOTO COPY SESUAI DENGAN ASLINYA**

Fakultas Psikologi Universitas Surabaya

PERBANDINGAN DUA BUDAYA

Srisiuni
Rozmi Ismail
Iran Herman
Aminuddin Mohd Yusof



Yusti Pambowati Rahayu, Psikolog
PK 190020

PENGENALAN

Setiap manusia mungkin pernah menjadi objek prejudis atau menyaksikan perlakuan prejudis seseorang ke atas seorang yang lain. Isu prejudis dan perkauman lebih kerap berlaku dalam negara multikaum. Multikaum yang semula jadi dapat memperkaya kepelbagaian budaya dalam dua negara sekali gus pertikaian antara kaum mudah terjadi yang biasanya dimula dengan prejudis. Koentjaraningrat (1975) mengatakan bahawa kepulauan Indonesia dan Malaysia adalah satu yang paling besar dari pulau-pulau di dunia. Tidak dapat dinafikan bahawa kaum asli dari Malaysia dan Indonesia adalah Melayu asli, namun Malaysia dan Indonesia adalah negara yang multikaum. Indonesia mempunyai 350 kumpulan kaum dengan identiti budaya dalam setiap kaumnya. Malaysia mempunyai masyarakat pelbagai budaya yang terdiri daripada lebih dari 200 suku-etnik. Kumpulan etnik terbesar adalah Melayu, Kadazan-Dusun, Banjar, Bidayuh, Cina dan India (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman, Abdul Aziz & Mohamad Ainudin Iskandar Lee 2006).

Hidup dalam negara yang multikaum bukanlah tugas yang mudah. Mengikut pandangan Mansor Mohd Noor et al (2006) agak sukar untuk memahami perubahan sosial yang telah melanda perhubungan etnik di Malaysia kerana kegagalan golongan sarjana dan ahli politik yang boleh melahirkan wacana dalam masyarakat hingga perjalanan masyarakat, dasar dan pemerintahan negara menjurus ke arah tadbir urus yang peka dan sensitif dengan dimensi etnik. Perjalanan sejarah Malaysia telah membuktikan andaian-andaian retak etnik mungkin ada kebenarannya tetapi yang jelas perbezaan budaya, bahasa dan agama di kalangan rakyat pelbagai budaya tidak semestinya menjadi punca konflik antara kaum. Malahan jika berlaku pun konflik antara kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969, insiden Kampung Rawa 1997 dan insiden Kampung Medan 2001 adalah kerana ketidakseimbangan pembangunan dan tadbir urus kerajaan, ketidaksamarataan antara kaum dan wilayah, kemiskinan bandar dan rakyat terpinggir daripada perkhidmatan kerajaan.

Kekacauan antara kaum juga terjadi di Jakarta pada 13-15 Mei 1998 iaitu sesetengah orang Cina di Jakarta diusik berterusan dan diperkosa walaupun sukar untuk menemukan bukti-buktinya (Melly G. Tan 2004). Faktor yang menjadi punca kekacauan tersebut adalah walaupun jumlah orang Cina Indonesia hanya tiga peratus daripada penduduk Indonesia, mempunyai kedudukan yang kuat dalam bidang ekonomi namun tidak mendapat perlakuan yang adil dalam bidang politik. Tidak dapat dinafikan bahawa kekacauan antara kaum di Indonesia bukan hanya terjadi ke atas etnik Cina sahaja tetapi juga terjadi 14 kali rusuhan etnik besar sejak 1950, antara Madura dan Jawa, tetapi dua kali yang terbesar (1999 dan 2000) justeru terjadi melawan Melayu (D. Ramadhan dalam Sarlito Wirawan Sarwono 2006).

Mengapa peranan Cina Indonesia sangat sukar untuk diterima sebagai orang Indonesia? Leo Suryadinata (1993) dan Partha Chatterjee (Coppel, 2004) menulis bahawa perbezaan perlakuan terhadap orang Cina Indonesia kerana kesan politik daripada kerajaan kolonial Belanda selama di Indonesia. Walau bagaimanapun orang Cina Indonesia bercakap dalam bahasa Indonesia dan tidak mampu berbahasa Cina, orang Cina Indonesia

tetap tidak dianggap sebagai salah satu kelompok etnik di Indonesia, oleh itu orang Cina Indonesia tidak merasa negara Indonesia sebagai 'rumahnya'. Keadaan orang Cina Indonesia berbeza dengan orang daripada etnik Iban di Sarawak Malaysia dan orang Melayu asli yang mempunyai kedudukan yang sama tetapi tidak dianggap sebagai pendatang. Namun Aminuddin Mohd Yusof (2006) mendedahkan bahawa hubungan etnik di Malaysia dapat dilihat sebagai 'bersama tetapi tidak bersatu sepenuhnya'.

Dalam usaha mengerti, menjangka dan menghalang tingkah laku negatif antara kumpulan, ahli psikologi sosial memberi perhatian ke atas prejudis yang terjadi antara kumpulan; sebuah taksiran sama ada positif atau negatif ke atas sebuah kumpulan dan ahli-ahlinya; persepsi yang berat sebelah kepada sebuah kumpulan; melandaskan ke atas sama ada ciri-ciri sebenar atau rekaan daripada ahli-ahli sebuah kumpulan (Allport 1979; Augoustinos, Walker & Donaghue 2006; Nelson 2002; Mackie & Smith 2002). Secara am prejudis etnik yang terjadi ke atas kanak-kanak dimula dengan kesedaran kanak-kanak tentang identiti etniknya (Aboud, 1987), iaitu perasaan tentang diri sendiri sebagai ahli daripada sebuah kumpulan etnik, mempunyai sifat-sifat umum daripada kumpulan etniknya.

Kajian mengenai hubungan etnik yang berhubung kait dengan prejudis telah banyak dilakukan terhadap orang dewasa, tetapi masih jarang dilakukan terhadap kanak-kanak. Kajian-kajian lepas mengenai prejudis etnik kanak-kanak, secara am menggunakan anak patung (Clark & Clark dalam Puskhin & Veness 1973; Branch & Newcombe 1986) dan analisis kandungan temubual (Mc.Kown 2004). Keputusan kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa kanak-kanak berumur 5 hingga 7 tahun telah wujud prejudis etnik. Selain daripada itu, kenyataan tersebut dapat terjadi kerana keadaan fizikal anak Afrika Amerika yang sangat berbeza dengan anak Amerika Syarikat. Apakah hal itu berlaku ke atas kanak-kanak sama ada di Malaysia atau Indonesia? Kajian yang dilakukan Devi, Yusti Probowati dan Srisiuni (2002) dengan menggunakan temu bual dan mengecam wajah kanak-kanak mengikut etnik (Jawa dan Cina) ke atas kanak-kanak di Surabaya, menunjukkan bahawa perkembangan preferensi etnik kanak-kanak umur 10-12 tahun wujud lebih kompleks dibandingkan umur 6-7 tahun. Keputusan yang sama juga didedahkan dalam kajian Nesdale, Durkin, Maass & Griffiths (2004) yang melihat *Social Identity Development Theory (SIDT)* ke atas kanak-kanak berumur 5, 7 dan 9 tahun sejumlah 149 kanak-kanak. Keputusan kajian menunjukkan kesukaan kanak-kanak terhadap kumpulannya (Anglo Australian) tidak dipengaruhi oleh umur dan etnik daripada kumpulan lain (Pasific Islander), sedangkan kesukaan terhadap kumpulan etnik lain meningkat sejalan dengan bertambahnya umur juga memperhatikan status.

Aboud dan Levy (Killen, 2004) mengesyorkan bahawa sebagai ahli psikologi perkembangan manusia dapat memberi sumbangan untuk memahami perolehan sikap etnik dengan mengkaji bila konsep-konsep tersebut muncul, berubah, berkembang dan dapat digunakan dalam pengambilan keputusan sehari-hari. Hal ini terutamanya penting kerana ahli psikologi sosial telah menunjukkan bagaimana sukarnya untuk mengubah stereotaip pada masa dewasa, setelah perkembangan mereka tertubuh kukuh. Oleh itu masa kanak-kanak merupakan masa yang efektif untuk memberi perlakuan dalam mengubah sikap etnik. Prejudis etnik kanak-kanak bukanlah faktor semula jadi, kerana sama ada dipengaruhi oleh faktor dalaman atau luaran kanak-kanak. Faktor dalaman kanak-kanak iaitu perkembangan minda (Piaget dalam Sigelman & Rider 2003, Papalia, Olds & Feldman 2006 dan Kail 2007), kognitif sosial (Bandura 1986) dan pengambilan peranan orang lain (Selman dalam Shaffer 2002 & Rathus 2006). Faktor dalaman kanak-kanak bergantung kepada faktor luaran iaitu persekitaran, mengikut pandangan Bronfenbrenner (Sigelman & Rider 2003) mengenai teori bioekologi, yang memberi tumpuan perhatian ke atas faktor semula jadi dan persekitaran terhadap perkembangan

manusia. Oleh itu, proses keibubapaan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif (Baumrind 1971) dijangka mempunyai peranan dalam membina sikap kanak-kanak terhadap persekitarannya. Pandangan ini selari dengan keputusan kajian lepas yang dilakukan oleh Adorno dan Frenkel-Brunswik (Puskhin & Veness 1973) menemui bahawa bentuk disiplin yang memaksa dan kaku menjadi punca terjadinya prejudis ke atas kaum remaja dan dewasa. Apakah keputusan kajian tersebut berlaku di Malaysia dan Indonesia?

Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai tiga soalan kajian iaitu ingin mengenal pasti bilakah prejudis etnik kanak-kanak terbentuk, apakah terdapat perbezaan prejudis etnik kanak-kanak mengikut etnik dan apakah terdapat hubungan antara caragaya keibubapaan dengan prejudis etnik kanak-kanak.

METOD

Subjek kajian

Seramai 400 kanak-kanak beserta 400 ibu dan bapa bagi kanak-kanak yang berumur 5-6 tahun dan 10-11 tahun daripada etnik Jawa Indonesia, Cina Indonesia, Melayu Malaysia dan Cina Malaysia. (yang sama jumlahnya) telah terlibat dalam kajian ini.

Alat kajian

Terdapat dua alat ukuran dalam kajian ini, iaitu Multi-response Racial Attitudes (MRA) untuk mengenal pasti prejudis etnik kanak-kanak dan Parental Authority Questionnaire Revised (PAQ-R) untuk mengenal pasti caragaya keibubapaan. Banyak pengukuran terhadap sikap hanya berdasar pada pilihan yang telah ditentukan sehingga kanak-kanak hanya boleh memilih sikap positif atau negatif terhadap etniknya sendiri sahaja atau orang lain sahaja. Pengukuran lain yang sering digunakan dalam mengkaji sikap etnik dengan menggunakan gambar sebenar. Pengukuran yang baru terhadap sikap etnik atau prejudis etnik kanak-kanak adalah dengan menggunakan MRA yang dikemukakan oleh Aboud & Doyle (Kline 2005) dan telah dipublikasikan kesahannya dengan menggunakan *test-retest*.

MRA dalam kajian ini telah diubahsuai dalam bentuk multimedia yang terdiri daripada empat set. Kajian yang dilakukan Srisiuni, Sari Dewi Sutjipto, Ananta Yudiarso & Aminuddin Mohd Yusof (2007) menggunakan empat set iaitu set pertama menggunakan gambar MRA asli daripada Aboud & Doyle yang diubahsuai dengan gambar kanak-kanak etnik Jawa dan Surabaya. Set kedua menggunakan lukisan wajah kanak-kanak. Set ketiga dan keempat menggunakan foto. Mengikut pandangan Gregory (2007), keempat set ini perlu diukur kesahannya dengan menggunakan kesahan serentak iaitu MRA dikorelasikan dengan alat ukur yang telah ada, skala Etnosentris (Skala E). Etnosentris adalah idea yang menggambarkan bahawa kumpulannya merupakan pusat daripada semuanya dan kumpulan lain selalu dibandingkan mengikut kumpulannya. Etnosentris akan mengarahkan individu terhadap prejudis etnik kerana mempunyai pandangan bahawa budaya kumpulannya lebih baik dibanding budaya lainnya (Poerwanti 2006).

No	Validiti	Pekali korelasi	$p < .05$	Penjelasan
1	MRA set 1	-.067	0.755	Tidak valid
2	MRA set 2	.191	0.419	Tidak valid
3	MRA set 3	.469	0.049*	Valid
4	MRA set 4	-.174	0.635	Tidak valid

* $p < .5$

Oleh itu, dalam kajian ini MRA yang digunakan adalah MRA set ketiga (Srisiuni, Sari Dewi Sutjipto, Ananta Yudiarto dan Aminuddin Mohd Yusof 2007).

Reitman, Rhode, Hupp dan Altobello (2002) mengulang kaji PAQ agar lebih diyakini kesahan kandungan selari dengan jenis caragaya keibubapaan daripada Baumrind dan memperbaiki kenyataan item. Kajian ini mengubah suai bentuk soalan alat ujian mengikut apa yang telah dilakukan oleh Dunn-Rankin, Knezek, Wallace dan Zhang (2004) iaitu subjek diminta untuk memilih satu daripada setiap pasangan kenyataan item yang mengandungi setiap jenis caragaya keibubapaan. Contoh cara memasangkan item-item mengikut caragaya keibubapaan dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Contoh Item Caragaya Keibubapaan yang dipasangkan

Pasangan	Pernyataan	Tanda
Pasangan a-b		
a	Saya meminta anak-anak melakukan seperti yang saya fikir benar, walaupun anak-anak tidak setuju.	
b	Anak-anak saya tahu apa yang saya harapkan daripada mereka, tetapi mereka bebas untuk bercakap kepada saya jika mereka merasa bahawa harapan saya tidak adil.	
Pasangan a-c		
a	Saya meminta anak-anak melakukan seperti yang saya fikir benar, walaupun anak-anak tidak setuju.	
c	Anak-anak mesti bertingkah laku seperti yang biasa dilakukan oleh ibu bapa, agar rumah tangga dalam keadaan baik.	
Pasangan b-c		
b	Anak-anak saya tahu apa yang saya harapkan daripada mereka, tetapi mereka bebas untuk bercakap kepada saya jika mereka merasa bahawa harapan saya tidak adil.	
c	Anak-anak mesti bertingkah laku seperti yang biasa dilakukan oleh ibu bapa, agar rumah tangga dalam keadaan baik.	

Cara pemarkatan adalah ibubapa diminta untuk memilih pernyataan yang ibubapa jalankan seharian, seterusnya memberi tanda \checkmark dan diberi markat 1 dan markat 0 bagi yang tidak diberi tanda. Markat setiap jenis caragaya keibubapaan adalah 0 hingga 20.

Ada pun keputusan ujian nilai kebolehppercayaan ketekalan dalaman caragaya keibubapaan semasa pra uji dan daripada kajian akhir adalah seperti terlihat dalam Jadual 3.

Jadual 3 Nilai Kebolehppercayaan Alat Ujian Caragaya Keibubapaan

Pembolehubah	Alpha kajian rintis	Alpha data kajian sebenar
Caragaya keibubapaan		
a. autoritarian	0.73	0.72
b. autoritatif	0.74	0.70
c. permisif	0.86	0.72

Prosedur

Pengkaji dibantu oleh pelajar universiti yang terdiri daripada 10 etnik Jawa Surabaya, 10 etnik Cina Surabaya, 10 etnik Melayu Malaysia, 10 etnik Cina Malaysia untuk mengumpulkan data 400 subjek kanak-kanak, 400 bapa dan 400 ibu daripada kanak-kanak. Setiap pelajar mengumpulkan data subjek sesuai dengan etnik pelajar supaya memberi perasaan selesa bagi subjek dalam menjawab setiap soalan.

Pengkaji membuat dua set multimedia, satu set dalam bahasa Indonesia dan set yang kedua dalam bahasa Melayu. Pelajar memberi penjelasan tentang definisi setiap kata sifat kepada kanak-kanak secara khusus umur 5-6 tahun. Setiap gambar (anak Melayu laki-laki dan perempuan atau anak Cina laki-laki dan perempuan) dimunculkan, maka ditunjukkan secara acak 10 kata sifat positif (bersih, ramah, elok, gembira, sihat, suka menolong, baik hati, menyenangkan, pandai dan menakjubkan) dan 10 kata sifat negatif (buruk, jahat, kotor, kedekut, nakal, sedih, egois, sakit, bodoh dan tidak ramah) yang ditampilkan satu per satu.

Ditunjukkan secara acak bererti boleh ditampilkan secara berurutan positif dan negatif, tetapi mungkin pada masa lain ditunjukkan kepada subjek yang berbeda, maka kata-kata sifat tersebut ditukar urutannya. Seterusnya setiap subjek melihat satu kata sifat maka subjek menaip markat 1 kalau ya dan 0 kalau tidak. Jumlah sifat positif dan negatif diambil daripada setiap gambar yang dicatat, menghasilkan empat skor (iaitu Melayu positif, Melayu negatif, Cina positif, dan Cina negatif kalau di Indonesia, Jawa positif, Jawa negatif, Cina positif, dan Cina negatif).

Markat ini dijumlah untuk menghasilkan sebuah markat 'bias' (iaitu markat negatif kumpulan lain etnik dijumlah dengan markat positif kumpulan sama etnik) dan sebuah markat 'counterbias' (yaitu markat positif kumpulan lain etnik dijumlah markat negatif kumpulan sama etnik) untuk setiap kumpulan lain etnik.

Perkiraan semua markat 'bias' dan 'counterbias' diperoleh daripada min markat kumpulan lain etnik (contoh semua markat 'bias' Melayu setara dengan min markat 'bias' Cina). Perkiraan markat prejudis dimula daripada -20 sampai 20, ditemukan dengan menolak markat 'counterbias' daripada markat "bias". Berdasarkan pada semua *ranking*, subjek dapat dikategorikan mula daripada markat mempunyai prejudis ($MRA > 0$) atau tidak mempunyai prejudis ($MRA < 0$) atau neutral ($MRA = 0$). Semua perkiraan segera dilakukan dengan komputer semasa subjek selesai menaip seluruh kata sifat.

Melandaskan kepada setiap subjek diberi rangsangan lelaki Jawa dan Cina; perempuan Jawa dan Cina, bererti setiap subjek memberi empat markat, oleh itu markat 20 dicampur 4 menjadi 80. Erti daripada markat $MRA = 80$ iaitu neutral, $MRA > 80$ iaitu mempunyai prejudis dan $MRA < 80$ tidak mempunyai prejudis.

Setiap ibubapa diberi maklumat mengenai cara menjawab soalan PAQ-R serta pelajar menunggu subjek dalam soalan tersebut. Setiap soalan PAQ-R daripada ibubapa diberi nombor siri yang disesuaikan dengan nombor siri kanak-kanak.

KEPUTUSAN

Kajian ini meramalkan bahawa kanak-kanak umur 5-6 tahun telah mempunyai prejudis etnik dan terdapat perbezaan prejudis etnik di kalangan kanak-kanak di Malaysia dan Indonesia, khususnya Surabaya. Perkiraan awal dengan berasaskan statistik *t*, menunjukkan bahawa tiada wujud perbezaan antara markat MRA rangsangan lelaki dan perempuan mengikut jantina, oleh itu dalam kajian ini yang dibahas adalah MRA keseluruhan (dalam Jadual 4). Seterusnya, dengan menggunakan analisis statistik Anova Dua Hala, menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan MRA keseluruhan mengikut jantina $F(1,400) = .21, p > .05$, namun wujud perbezaan secara signifikan MRA keseluruhan mengikut umur $F(1,400) = 22.03, p < .01$.

Jadual 4 Prejudis Etnik Kanak-kanak Mengikut Jenis Rangsangan dan Etnik

Jenis Rangsangan	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	<i>t</i>	Sig.
SPERL	Lelaki	193	84.44	10.99	.91	.36
	Perempuan	207	83.43	11.07		
SPERP	Lelaki	193	84.67	12.15	.74	.46
	Perempuan	207	83.79	11.78		
SPERLP	Lelaki	193	89.37	20.28	.99	.32
	Perempuan	207	87.40	19.43		

SPERL : Skor Prejudis Etnik Rangsangan Lelaki

SPERP : Skor Prejudis Etnik Rangsangan Perempuan

SPERLP : Skor Prejudis Etnik Rangsangan Lelaki dengan Perempuan

Tidak wujud perbezaan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan ke atas skor prejudis etnik rangsangan lelaki ($t = .91, p > .05$), rangsangan perempuan ($t = .74, p > .05$) dan rangsangan lelaki dengan perempuan ($t = .99, p > .05$). Oleh itu, dalam pengiraan berikutnya akan digunakan skor prejudis etnik rangsangan lelaki dengan perempuan.

Jadual 5 Taburan kekerapan Prejudis Etnik Kanak-kanak Umur 5-6 Tahun Mengikut Kumpulan Etnik

	Kekerapan			
	Jawa Surabaya	Melayu Malaysia	Cina Surabaya	Cina Malaysia
	Bil (Peratus)	Bil (Peratus)	Bil (Peratus)	Bil (Peratus)
1. Prejudis	25 (12.5)	28 (14)	25 (12.5)	28 (14)
2. Neutral	8 (4)	5 (2.5)	3 (1.5)	5 (2.5)
3. Tidak prejudis	17 (8.5)	17 (8.5)	22 (11)	17 (8.5)
4. Keseluruhan subjek	50 (25)	50 (25)	50 (25)	50 (25)

Mengikut semua kumpulan etnik, lebih ramai kanak-kanak umur 5-6 tahun yang prejudis dibandingkan dengan yang tidak prejudis dan neutral. Berasaskan markat

prejudis, tiada menunjukkan perbezaan yang ketara dalam bilangan kanak-kanak yang prejudis, iaitu Jawa Surabaya, seramai 12.5 peratus, Melayu Malaysia 14 peratus, Cina Surabaya, 12.5 peratus dan Cina Malaysia, 14 peratus. Oleh itu, prejudis mula wujud umur 5-6 tahun.

Jadual 6 Taburan kekerapan Prejudis Etnik Kanak-kanak Umur 10-11 Tahun Mengikut Kumpulan Etnik

	Kekerapan			
	Jawa Surabaya	Melayu Malaysia	Cina Surabaya	Cina Malaysia
	Bil (Peratus)	Bil (Peratus)	Bil (Peratus)	Bil (Peratus)
1. Prejudis	37 (18.5)	45 (22.5)	25 (12.5)	26 (13)
2. Neutral	1 (.5)	1 (.5)	2 (1)	6 (3)
3. Tidak prejudis	12 (6)	4 (2)	23 (11.5)	18 (9)
4. Keseluruhan subjek	50 (25)	50 (25)	50 (25)	50 (25)

Mengikut seluruh kumpulan etnik, lebih ramai kanak-kanak yang prejudis dibanding yang tidak prejudis dan neutral, kanak-kanak Malaysia paling ramai iaitu 22.5 peratus diikuti oleh kanak-kanak Jawa Surabaya iaitu 18.5 peratus, kanak-kanak Cina Malaysia iaitu 13 peratus dan kanak-kanak Cina Surabaya iaitu 12.5 peratus.

Jadual 7 Statistik Deskriptif Prejudis Etnik Kanak-kanak umur 5-6 tahun Mengikut Etnik

	Umur 5-6 tahun		
	Bil	Min	Sisihan Piawai
Indonesia			
Jawa Surabaya	50	84.90	18.41
Cina Surabaya	50	81.68	15.03
Keseluruhan	100	83.29	16.80
Malaysia			
Melayu Malaysia	50	88.12	13.91
Cina Malaysia	50	82.60	8.19
Keseluruhan	100	85.36	11.69

Berdasarkan umur 5-6 tahun, min skor prejudis etnik kanak-kanak Malaysia paling tinggi (88.12) diikuti kanak-kanak Jawa Surabaya (84.20), Cina Malaysia (82.60) dan Cina Surabaya (81.68). Bagaimana pun skor-skor tersebut telah wujud prejudis etnik kerana skornya di atas 80.

Jadual 8 Statistik Deskriptif Prejudis Etnik Kanak-kanak umur 10-11 tahun Mengikut Etnik

	Bil	Umur 5-6 tahun Min	Sisihan Piawai
Indonesia			
Jawa Surabaya	50	84.90	18.41
Cina Surabaya	50	81.68	15.03
Keseluruhan	100	83.29	16.80
Malaysia			
Melayu Malaysia	50	88.12	13.91
Cina Malaysia	50	82.60	8.19
Keseluruhan	100	85.36	11.69

Berdasarkan umur 10-11 tahun, min skor prejudis etnik rangsangan lelaki dan perempuan kanak-kanak Malaysia paling tinggi (114.74) diikuti kanak-kanak Jawa Surabaya (87.96), Cina Malaysia (84.40) dan Cina Surabaya (82.38). Skor-skor tersebut telah wujud prejudis etnik kerana skornya di atas 80.

Jadual 9 Korelasi antara Caragaya Keibubapaan Dengan Prejudis Etnik Kanak-kanak Mengikut Dua Budaya

Prejudis etnik kanak-kanak	
Caragaya keibubapaan	
Autoritarian bapa	.21*
Autoritatif bapa	-.02
Permisif bapa	-.21*
Autoritarian ibu	.20*
Autoritatif ibu	-.09
Permisif ibu	-.12*

Mengikut Jadual 6 ditunjukkan bahawa caragaya keibubapaan bapa ($r = .21$) dan ibu ($r = .20$) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prejudis etnik kanak-kanak. Dalam perkataan lain, markat autoritarian ibubapa makin tinggi, markat prejudis kanak-kanak juga makin tinggi.

Jadual 10 Korelasi antara Caragaya Keibubapaan dengan Prejudis Etnik Kanak-kanak Mengikut Etnik

	Prejudis etnik kanak-kanak mengikut etnik			
	Melayu Malaysia	Cina Malaysia	Jawa Surabaya	Cina Surabaya
Caragaya keibubapaan				
Autoritarian bapa	.39*	-.03	.17	.05
Autoritatif bapa	.20	.19	-.14	-.14
Permisif bapa	-.51*	-.11	-.06	.10
Autoritarian ibu	.36*	-.13	.14	.05
Autoritatif ibu	-.08	.08	-.26*	-.16
Permisif ibu	-.31*	.04	.10	.09

*p < .05

Berasaskan jadual 10, dapat dikenal pasti bahawa autoritarian bapa ($r = .39$) dan ibu ($r = .36$) Melayu Malaysia mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prejudis etnik kanak-kanak. Sementara permisif bapa ($r = -.51$) dan ibu ($r = -.31$) Melayu Malaysia mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan prejudis etnik kanak-kanak.

PERBINCANGAN

Kajian ini dapat mengenal pasti bahawa sesetengah kanak-kanak umur 5-6 tahun telah mempunyai prejudis etnik (dalam Jadual 5 dan 6). Melandaskan kepada jawapan daripada soalan kajian yang kedua mengenai perbezaan etnik di kalangan kanak-kanak di Malaysia dan Indonesia khususnya Surabaya, menunjukkan wujud perbezaan secara signifikan, iaitu min prejudis kanak-kanak Cina Surabaya mempunyai markat terendah, seterusnya kanak-kanak Cina Malaysia, kanak-kanak Jawa Surabaya dan markat tertinggi terdapat pada kanak-kanak Melayu Malaysia (dalam Jadual 7 dan 8).

Perbezaan min markat prejudis etnik kanak-kanak dapat dijelaskan mengikut pandangan Bronfenbrenner (Sigelman & Rider 2003) mengenai bioekologi dan Bandura mengenai teori kognitif sosial. Bronfenbrenner memberi tumpuan perhatian ke atas faktor semula jadi dan persekitaran terhadap perkembangan manusia, iaitu proses keibubapaan mempunyai peranan dalam membina sikap kanak-kanak terhadap persekitarannya. Selari dengan keputusan kajian yang dilakukan Adorno (dalam pengenalan), wujud hubungan secara positif yang signifikan antara caragaya keibubapaan bapa dan ibu yang autoritarian dengan prejudis etnik kanak-kanak. Sementara wujud hubungan secara negatif yang signifikan antara caragaya keibubapaan bapa dan ibu yang permisif dengan prejudis etnik kanak-kanak (dalam Jadual 9). Berasaskan Jadual 10, bahawa hubungan yang signifikan antara caragaya keibubapaan autoritarian dan permisif dengan prejudis etnik kanak-kanak, hanya wujud dalam caragaya keibubapaan ibubapa Melayu Malaysia. Sementara caragaya keibubapaan ibu Jawa Surabaya yang autoritatif mempunyai hubungan secara negatif dengan prejudis etnik kanak-kanak.

Malaysia dan Indonesia dikenal sebagai negara multikaum. Caragaya keibubapaan ibubapa Malaysia sesuai dengan budaya kumpulan etniknya, seperti menggunakan bahasa daripada kumpulan etniknya dan mempunyai agama sesuai dengan kumpulan etniknya (majoriti etnik Melayu adalah Islam dan majoriti Cina adalah Buddha). Manakala caragaya keibubapaan ibubapa Indonesia khususnya di Surabaya mengikut budaya Indonesia, seperti menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa ibunda dan mempunyai agama yang pelbagai (walaupun majoriti penduduk Indonesia adalah Islam, tetapi cukup ramai etnik Jawa yang mempunyai agama bukan Islam). Keadaan ini menyokong

pandangan Vaughan (1987) bahawa persepsi kanak-kanak Melayu Malaysia terbina kuat dalam budaya Melayu yang kuat pula dapat memberi kesan terhadap proses berfikir dan merasa bahawa mereka berbeza dengan kumpulan etnik lainnya, khususnya bagi kanak-kanak yang dibesarkan dengan caragaya keibubapaan yang autoritarian. Hubungan itu wujud kerana terdapat proses belajar sosial daripada kanak-kanak melalui meniru terhadap tingkah laku keseharian ibubapa (Bandura, 1986).

Berhubung kait dengan kanak-kanak etnik lain, walaupun min markat prejudis etnik tidak berbeza secara signifikan, namun min markat menunjukkan bahawa mereka mempunyai prejudis etnik sama ada umur 5 - 6 tahun atau 10 - 11 tahun (dalam Jadual 7 dan 8). Keadaan ini dapat dijelaskan sesuai dengan *Intergroup emotions theory* (Mackie, Smith, Devos & Silver 2002) yang menjangka bahawa individu sebagai ahli dalam kumpulannya adalah bahagian daripada dirinya akan mengalami emosi secara khusus (lebih ke arah negatif) terhadap kumpulan lainnya bergantung ke atas pengalamannya selama ini dengan kumpulan lainnya. Tidak dapat dinafikan bahawa masih seramai 47 peratus kanak-kanak umur 5 - 6 tahun (lihat Jadual 5) dan 33 peratus kanak-kanak umur 10 - 11 tahun (lihat Jadual 6) yang mempunyai sikap neutral dan tidak berprejudis terhadap kumpulan etnik lain, dimungkinkan kanak-kanak tersebut diasuh dalam caragaya keibubapaan sama ada autoritatif atau permisif, juga kanak-kanak itu mempunyai pengalaman sama ada positif atau tidak mempunyai sebarang pengalaman dengan etnik lain.

Salah satu contoh yang patut ditiru adalah Abdul Basit Salim, pelajar Melayu tunggal di kalangan 618 calon yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Kebangsaan Cina, mampu memperolehi 11 A. Ibu bapanya yang mengesyorkan adik-beradik ke sekolah Cina supaya boleh belajar bahasa Mandarin. Abdul Basit Salim mengatakan bahawa selepas mengambil masa panjang, di kalangan kawan-kawan ia malah berjaya membentuk satu kepercayaan antara mereka. Keadaan seperti Abdul Basit Salim lebih kerap dijumpai di Indonesia, kajian yang telah dilakukan Usman Pelly (2004) tentang keadaan murid peribumi dan bukan peribumi di sekolah asimilasi di Medan, menunjukkan bahawa ramai bilangan etnik peribumi dan bukan peribumi yang bercampur dalam sekolah asimilasi tersebut. Perkara penting adalah bukan melandaskan kepada bilangan percampuran etnik sahaja, tetapi bagaimana dapat meningkatkan empati dalam kehidupan multikaum yang dapat dimula daripada pendidikan kepada kanak-kanak di rumah oleh ibubapa dan jiran supaya dapat mengurangkan prejudis.

KESIMPULAN

Keputusan kajian ini dapat mengenal pasti bahawa sesetengah kanak-kanak umur 5 - 6 tahun telah mempunyai prejudis etnik sama ada di Malaysia dan Indonesia. Seterusnya keputusan kajian ini juga mendapati wujud perbezaan prejudis etnik mengikut etnik dan umur, iaitu kanak-kanak Melayu Malaysia mempunyai min markat prejudis etnik paling tinggi dibanding etnik-etnik yang lain. Kanak-kanak umur 10 - 11 tahun lebih ramai yang mempunyai prejudis etnik dibanding kanak-kanak umur 5 - 6 tahun sama ada di Malaysia dan Indonesia. Hubungan antara caragaya keibubapaan dengan prejudis etnik wujud nyata jika caragaya keibubapaan autoritarian, yang wujud dalam caragaya keibubapaan ibubapa dan prejudis etnik kanak-kanak Melayu Malaysia.

RUJUKAN

- Aboud, F. E. 1987. The development of ethnic self-identification and attitudes. Dlm Phinney, J.S. & Rohteram, M.J. (pnyt.). *Children's ethnic socialization, pluralism & development*, hlm 32-55. Newbury Park: Sage Publication.
- Allport, G. W. 1979. *The nature of prejudice*. Ed. Ke-3. New York: Basic Books. A member of the Perseus Books Groups.
- Aminuddin Mohd Yusof. (2006). Hubungan kaum: Dekat tapi jauh. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Sidang Plenari Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM, anjuran Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Anon. 2008. Pelajar Melayu tunggal sekolah Cina dapat 11 A. *Utusan Malaysia*, 13 Mac:15.
- Augoustinos, M., Walker, I., Donaghue, N. 2006. *Social cognition. An integrated introduction*. Ed. ke-2. London: Sage Publication.
- Baumrind, D. 1971. Current Patterns of Parental Authority. *Developmental Psychology Monograph* 4(1): 1-103.
- Branch, G. W. & Newcombe, C. W. 1986. Racial attitude development young black children as a function of parental attitude: A longitudinal & cross-sectional study. *Child Development* 57: 712-721.
- Devi, Yusti Probowati Rahayu & Srisiuni. 2002. Kesadaran dan preferensi etnik ditinjau dari tahap perkembangan usia dan etnik. *Latihan Ilmiah*. Universiti Surabaya.
- Dunn-Rankin, P., Knezek, G. A., Wallace, S. & Zhang, S. 2004. *Scaling Methods*. Second Edition. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Gregory, R. J. 2007. *Psychological testing. History, principles and applications*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Kail, R. V. 2007. *Children and their development*. Ed. ke-4. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Killen, M. 2004. Race in America: How developmental psychologists can contribute to the conversation on race. *Journal of Applied Developmental Psychology* 25 (1): 127-132.
- Kline, C. (2005). *The friendship factor: How interracial friendships benefit elementary school students*. Retrieved June 9, 2006, from <http://www.stanford.edu/upckline/thesis.doc>
- Koentjaraningrat. 1975. *Introduction to the peoples and cultures of Indonesia and Malaysia*. Menlo Park: Cumming Publishing Company, Inc.
- Leo Suryadinata. 1993. The state and Chinese Minority in Indonesia. Dlm Leo Suryadinata (pnyt.). *Chinese adaptation & diversity. Essays on society & literature in Indonesia, Malaysia & Singapore*, hlm 77-100. Singapore: Singapore University Press.
- Mackie, D. M., Smith, E. R., Devos, T. & Silver, L. A. 2002. Experiencing intergroup emotions. Dlm. Mackie, D.M. & Smith, E.R. (pnyt.). *From prejudice to intergroup emotions. Differentiated reactions to social groups*, hlm. 111-134. New York: Psychology Press.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman, Abdul Aziz & Mohamad Ainudin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Melly G. Tan. (2004). The social and cultural dimension of gender-biased violence in Indonesia: From labelling to discrimination to violence. Dlm Leo Suryadinata (pnyt.). *Chinese Indonesians: State policy, monoculture and multiculturalism*, hlm 45-68. Singapore: Marshall Cavendish.

- Nesdale, D., Durkin, K., Maass, A. & Griffiths, J. 2004. Group status, outgroup ethnicity and children's ethnic attitudes. *Journal of Applied Developmental Psychology* 25(2): 237-251.
- Papalia, D. E., Olds, S. W. & Feldman, R. D. 2006. *A child's world. Infancy through adolescence*. Ed. Ke-10. Boston: McGraw Hill.
- Poerwanti, E. (2006). *Pemahaman psikologi masyarakat Indonesia sebagai upaya menjembatani permasalahan silang budaya*. Lembaga Kebudayaan - Universitas Muhammadiyah Malang.
- Puskhin, I. & Veness, T. 1973. The developmental of racial awareness and prejudice in children. Dlm Watson, P. (pnyt). *Psychology and race*, hlm 23 - 42. Great Britain: Hazell Watson & Viney Ltd.
- Rathus, S. A. 2006. *Childhood. Voyages in development*. Ed. ke-2. Victoria: Thomson Wadsworth.
- Reitman, D., Rhode, P. C., Hupp, S. D. A. & Altobello, C. 2002. Development and validation of the parental authority questionnaire. *Journal of Psychopathology and Behavioral Assessment* 24(2): 119-127.
- Sarlito Wirawan Sarwono. 2006. *Psikologi prasangka orang Indonesia. Kumpulan studi empirik prasangka dalam berbagai aspek kehidupan orang Indonesia*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Shaffer, D. R 2002. *Developmental psychology childhood and adolescence*. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Sigelman, C. K. & Rider, E. A. 2003. *Life-span human development*. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning, Inc.
- Srisiuni, Sari Dewi Sutjipto, Ananta Yudiarto, Aminuddin Mohd Yusof. 2007. Measuring Children's Ethnic Prejudice. *Proceeding of the 7th Asian Association of Social Psychology (AASP)*, hlm 107-121.
- Usman Pelly. 2004. "Pri" and "non-pri" students in assimilated schools: An assimilation policy in education during the Suharto period. Dlm Leo Suryadinata (pnyt.). *Chinese Indonesians: State policy, monoculture and multiculturalism*, hlm 29-44. Singapore: Marshall Cavendish.
- Vaughan, G. M. 1987. A social psychology model of ethnic identity development. Dlm Phinney, J.S. & Rohteram, M.J. (pnyt.). *Children's ethnic socialization, pluralism & development*, hlm 73-91. Newbury Park: Sage Publication.